



03 JUL, 2026

Mekanisme pelarasan bulanan

Harian Metro, Malaysia



Mekanisme pelarasan bulanan

Oleh Suliati Asri
suliati@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Pengguna kini dapat melihat perubahan dalam bil elektrik mereka, selaras dengan corak penggunaan tenaga yang berubah, seperti cuaca panas dan lebih ramai yang bekerja dari rumah (BDR).

Namun, perubahan itu bukan berlaku sewenang-wenangnya, sebaliknya berkait rapat dengan pelarasan kos tenaga yang lebih telus dan adil iaitu Mekanisme Pelarasan Kos Bahan Api Secara Automatik atau dalam Bahasa Inggeris, *Automatic Fuel Adjustment (AFA)*.

Berbanding sebelum ini, pelarasan kos bahan api dilaksanakan melalui mekanisme *Imbalance Cost Pass-Through* atau ICPT yang disemak setiap enam bulan.

Apa yang penting, 85 peratus pelanggan domestik masih dilindungi dari kadar perubahan AFA kerana penggunaan elektrik bulanan mereka kurang daripada 600 kWj.

Hanya pelanggan dengan penggunaan bulanan yang melebihi 600 kWj atau RM216 akan dikenakan caj-caj bil seperti AFA, Caj Runcit, dan Cukai Perkhidmatan 8 peratus.

AFA pastikan bil elektrik lebih telus, adil dan responsif kepada kos semasa

Fungsi AFA

AFA berfungsi sebagai mekanisme pelarasan bulanan yang mengambil kira perubahan harga bahan api global, kadar pertukaran mata wang asing dan pelarasan kos penjanaaan sebenar, bagi memastikan sistem tarif kekal relevan dengan keadaan pasaran tenaga semasa.

Pengisytiharan kadar AFA (dalam unit sen/kWj) adalah berdasarkan pengesahan oleh Suruhanjaya Tenaga (ST) atau pemakluman rasmi melalui keputusan Menteri.

Apa yang penting, AFA bukan kenaikan tarif baharu, sebaliknya satu mekanisme pelarasan yang berubah setiap bulan sama ada dalam bentuk rebat atau surcaj bergantung kepada keadaan pasaran.

Penganalisis ekonomi dan Pensyarah Putra Business School, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff berkata, pengguna perlu memahami bahawa tarif asas dan AFA adalah dua komponen berbeza dalam sistem penetapan harga elektrik.

Menurutnya, tarif asas ditetapkan bagi tempoh kawal selia tertentu dan merangkumi kos tetap seperti pembangunan infrastruktur, operasi rang-

kaian serta kos asas bekalan elektrik, manakala AFA pula berfungsi sebagai mekanisme pelarasan yang berubah mengikut turun naik kos bahan api dan kadar pertukaran mata wang asing.

"Justeru, peningkatan bil elektrik tidak semestinya bermaksud tarif asas dinaikkan kerana ia juga boleh dipengaruhi oleh penggunaan elektrik yang lebih tinggi atau pelarasan AFA yang mencerminkan perubahan kos tenaga di pasaran global," katanya.

"Justeru, peningkatan bil elektrik tidak semestinya bermaksud tarif asas dinaikkan kerana ia juga boleh dipengaruhi oleh penggunaan elektrik yang lebih tinggi atau pelarasan AFA yang mencerminkan perubahan kos tenaga di pasaran global"

Dr Ahmed Razman
Abdul Latiff

Sebagai contoh, apabila kos bahan api dan kadar pertukaran mata wang asing menurun, pelanggan yang layak akan menikmati rebat AFA yang mengurangkan jumlah bil. Apabila kos meningkat, surcaj akan dikenakan secara telus dalam bil.

Kesan AFA

Sejak Julai 2025, kerajaan sudah memberikan rebat AFA sekitar RM2.7 bilion.

Dengan konflik di Asia Barat kini, harga bahan api turut terkesan, menyebabkan kadar AFA mula beralih kepada surcaj sejak Mei 2026.

Dr Ahmed berkata, dalam keadaan pasaran te-

naga global yang semakin tidak menentu akibat faktor seperti konflik geopolitik, gangguan rantaian bekalan dan turun naik kadar pertukaran mata wang, mekanisme seperti AFA membolehkan sistem tarif bertindak balas dengan lebih pantas terhadap perubahan kos sebenar.

"Pendekatan ini mengurangkan risiko ketidakpastian antara kos sebenar dan harga yang dikenakan, sekali gus membantu mengekalkan kestabilan kewangan sektor tenaga dan menjamin kesinambungan bekalan elektrik kepada pengguna,"katanya.

Peningkatan amalan bekerja dari rumah turut mempengaruhi corak penggunaan elektrik harian, sekali gus menjadikan pemantauan penggunaan tenaga semakin penting.

Cara Jimat Elektrik

Antara langkah praktikal yang boleh diambil untuk menikmati penjimatan bil dengan lebih berkesan termasuk:

1. Pantau penggunaan elektrik dan membuat tetapan ba-

jet menggunakan fungsi Energy Budget melalui aplikasi myTNB.

2. Gunakan tenaga secara efisien dengan menetapkan penyaman udara pada 24-26°C, memilih peralatan cekap tenaga (4 atau 5 bintang), menggunakan mesin basuh muatan penuh, dan mematikan peralatan yang tidak digunakan.

3. Beralih kepada skim *Time-of-Use (ToU)* dengan mengalihkan penggunaan ke waktu luar puncak bagi menikmati kadar lebih rendah dan menjimatkan bil.

4. Mempertimbangkan pemasangan sistem solar di kediaman.

Seiring pelaksanaan AFA, pendekatan ini memberi maklumat yang lebih telus kepada pelanggan untuk memahami faktor yang mempengaruhi bil elektrik.

Dengan akses kepada maklumat dan amalan penggunaan yang lebih bijak, pelanggan dapat mengawal perbelanjaan serta menyokong penggunaan tenaga yang lebih mampan.

Untuk mengetahui bagaimana AFA mempengaruhi bil dan menyemak kadar bulanan terkini serta ramalan tiga bulan, layari www.mytnb.com.my/tariff.

